

**PERJUANGAN YANG GAGAL? PARTI  
KOMUNIS MALAYA DAN SOKONGAN ORANG  
MELAYU 1920-1948**

**MOHAMAD NASSIR BIN KASSIM**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2016**

**PERJUANGAN YANG GAGAL? PARTI  
KOMUNIS MALAYA DAN SOKONGAN ORANG  
MELAYU 1920-1948**

Oleh

**MOHAMAD NASSIR BIN KASSIM**

**Tesis Yang Diserahkan Untuk Memenuhi Keperluan Bagi Ijazah Sarjana  
Sastera**

**JANUARI 2016**

# **PENGAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

JANUARI 2016

MOHAMAD NASSIR BIN KASSIM

PHM 0046/11 (R)

## **PENGHARGAAN**

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnianya diberikan kekuatan dalam menyiapkan kajian ini yang dibuat bertujuan untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera. Dalam usaha menyiapkan kajian ini, pelbagai pihak telah memberikan kerjasama dan sumbangan yang tidak ternilai harganya. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Azmi Arifin selaku penyelia yang telah banyak memberi pandangan dan tunjuk ajar serta tidak pernah mengenal erti penat lelah untuk menjadikan kajian ini sempurna.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Kuala Lumpur, Arkib Negara Cawangan Pulau Pinang, Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, staf-staf Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) dan lain-lain di atas bantuan dan layanan mesra mereka sepanjang tempoh pencarian bahan rujukan bagi melengkapkan kajian ini. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan sokongan moral.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan kasih sayang kepada keluarga tercinta terutama ibu dan ayah yang telah bersusah-payah memberikan sokongan serta nasihat yang amat berguna sebagai pedoman untuk saya berjaya dalam hidup. Jasa mereka hanya dapat dibalas oleh Tuhan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada adik-beradik di atas sokongan mereka sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

## ISI KANDUNGAN

	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>vii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>viii</b>
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Kajian Lalu	3
1.2 Objektif Kajian	37
1.3 Kaedah Kajian	38
1.4 Skop Kajian	39
1.5 Kepentingan Kajian	40
1. 6 Struktur Bab	41
<b>BAB 2: KOMUNISME DAN PERJUANGAN AWAL, 1920-1940</b>	
2.0 Kemunculan Ideologi Komunisme dan Leninisme	45
2.1 Perkembangan Awal Komunis di Tanah Melayu	50
2.2 Tertubuhnya Parti Komunis Malaya (PKM)	62
2.3 PKM dan Sokongan Masyarakat Tempatan	63

### **BAB 3: PKM DAN SOKONGAN RAKYAT ZAMAN JEPUN, 1941-1945**

3.0 Pendudukan Jepun	73
3.1 Insiden <i>Sook Ching</i>	80
3.2 Masalah Perkauman Selepas Pendudukan Jepun	83
3.3 Masalah Sokongan	90

### **BAB 4: PERJUANGAN PKM SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA, 1946-1948**

4.0 Kembalinya British dan Reaksi PKM	99
4.1 PKM dan Kegiatan Politik Kiri Melayu	112
4.2 Berjaya atau Tidak Berjaya?	123
4.3 Sikap Orang Melayu	126

### **BAB 5: PKM, REAKSI BRITISH DAN DARURAT, 1948**

5.0 Ke Arah Perjuangan Bersenjata? Satu Perdebatan	139
5.1 Kelemahan PKM	154
5.2 Tindak Balas British dan Darurat 1948	166
5.3 Kesan Darurat Terhadap Perjuangan PKM	182

### **BAB 6: RUMUSAN**

<b>BIBLIOGRAFI</b>	201
--------------------	-----

## SENARAI SINGKATAN

AIR	Air Ministry
API	Angkatan Pemuda Insaf
AMCJA	All-Malaya Council of Joint Action
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BMA	British Military Administration
CAB	Cabinet Papers
CCP	Chinese Communist Party
CO	Colonial Office
FO	Foreign Office
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KMT	Kuomintang
LEPIR	Lembaga Pendidikan Rakyat
MATA	Majlis Agama Tertinggi Malaya
MCP	Malayan Communist Party
MDU	Malayan Democratic Union
MGLU	Malayan General Labour Union
MNP	Malay Nationalist Party
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army
MPAJU	Malayan People's Anti-Japanese Union
PEPERMAS	Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya
PETA	Pembela Tanah Air
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PMFTU	Pan-Malayan Federation of Trade Unions

PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
PREM	Public Report Office
PRO	Public Record Office
UMNO	United Malays National Organization



# **PERJUANGAN YANG GAGAL? PARTI KOMUNIS MALAYA DAN SOKONGAN ORANG MELAYU 1920-1948**

## **ABSTRAK**

Kajian ini mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kegagalan Parti Komunis Malaya (PKM) dalam perjuangan politik di Tanah Melayu antara 1920-1948. Tujuan kajian ini adalah untuk membahaskan faktor utama yang membawa kepada kejatuhan PKM sejak penubuhannya sehingga pengisytiharan Darurat di Tanah Melayu pada tahun 1948. Melalui kajian literatur dan kaedah arkib, kajian ini akan menilai dari perspektif pentadbir penjajah, sarjana Barat dan tempatan untuk menganalisis bagaimana dan sejauhmana perjuangan PKM telah gagal berpunca daripada ketiadaan sokongan orang Melayu. Kajian ini membincangkan aktiviti-aktiviti PKM dalam tiga fasa. Fasa pertama bermula dari penubuhan PKM pada tahun 1930 sehingga tempoh awal penjajahan Jepun pada tahun 1941. Fasa kedua kajian ini ialah pembangunan PKM semasa pendudukan Jepun dari 1941-1945. Fasa ketiga adalah tempoh 1945-1948 yang menunjukkan kedudukan PKM sama ada ia mencapai kejayaan atau tidak dalam perjuangannya. Berdasarkan analisis ketiga-tiga fasa, kajian ini menyimpulkan bahawa kedudukan PKM menjadi lemah tanpa sokongan orang Melayu yang akhirnya memberi kesan kepada kekuatan parti itu sehingga kemerdekaan.

**A FAILED STRUGGLE? THE MALAYAN COMMUNIST PARTY AND THE  
MALAYS SUPPORT 1920-1948**

**ABSTRACT**

This research examines the factors which influenced the failure of the Malayan Communist Party (MCP) in its political struggle in Malaya between 1920-1948. The purpose of this study is to debate the main factor which brought the downfall of MCP since its establishment till the declaration of the Emergency in Malaya in 1948. Using literature review and archival methods, this research evaluate from the perspectives of the colonial administrators, Western and local scholars to analyze how and to what extent the MCP's struggle had failed due to absence of support from the Malays. This study discusses the activities of PKM based on three phases. The first phase started from the establishment of MCP in 1930 till the early period of Japanese occupation in 1941. The second phase of this research was the development of MCP during the Japanese occupation from 1941 to 1945. The third phase was the period of 1945-1948 which showed the position of the MCP whether it had succeeded or not in its struggle. Based on the analysis of these three phases, this research concluded that MCP's position became weaker without the support of the Malays which finally affected the strength of the party until the independence.

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Latar Belakang Kajian**

Kajian ini mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kegagalan Parti Komunis Malaya (PKM) dalam perjuangan politik di Tanah Melayu dari tahun 1920-1948. Kajian ini juga membincangkan jatuh bangun perjuangan PKM di Tanah Melayu dan faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan perjuangan PKM. Sebenarnya, kajian mengenai isu komunis termasuklah berhubung kait dengan kemunculan perjuangan, kejatuhan atau kegagalan PKM bukan lagi satu isu yang baru. Hal ini dapat dilihat dengan munculnya penulis-penulis kolonial yang banyak membincangkan isu komunis sejak Darurat dikuatkuasakan di Tanah Melayu. Namun, hal yang ingin ditumpukan adalah isu pensejarahan dengan memfokuskan faktor utama yang membawa kejatuhan PKM sejak penubuhannya sehingga pengisytiharan Darurat di Tanah Melayu pada tahun 1948.

Kajian ini juga ingin menjelaskan bahawa sokongan orang Melayu itu memainkan peranan yang cukup penting dalam menentukan hala tuju perjuangan PKM. Dalam kajian ini istilah sokongan didefinisikan sebagai memberi pertolongan dan bantuan. Istilah sokongan ini juga membawa maksud sama ada memberi sokongan terhadap individu, pertubuhan mahupun kerajaan yang memerintah. Definisi sokongan juga boleh dibahagikan kepada dua iaitu sokongan dari segi fizikal dan moral. Faktor sokongan yang dibincangkan dalam kajian ini akan menumpukan

masalah sokongan dari aspek fizikal. Sokongan dari aspek fizikal ini akan dianalisis untuk mengetahui punca kurangnya penyertaan orang Melayu dalam organisasi PKM sehingga tahun 1948. Sokongan dari aspek fizikal ini sangat penting dalam pertubuhan seperti PKM dalam usaha menjadikan PKM sebagai pertubuhan yang bersifat multirasial. Bagi menganalisis faktor ini perbincangan ini dibahagikan dalam tiga fasa utama perkembangan sejarah PKM.

Fasa pertama adalah selepas PKM ditubuhkan pada 1930 sehinggalah zaman pendudukan Jepun. Walaupun anasir komunis telah muncul lebih awal di Tanah Melayu namun tahun 1930 ini dianggap penting kerana merupakan tahun penubuhan PKM. Tempoh ini juga memperlihatkan sudah ada kesedaran PKM untuk menarik sokongan orang Melayu tetapi tidak mendapat sambutan dan kebanyakan ahlinya pula adalah terdiri daripada kaum Cina. Pada peringkat awal ini sejarah membuktikan bahawa PKM dianggotai oleh majoriti kaum Cina. Perkembangan ini sebenarnya tidak menepati hasrat Comintern (Komunis Antarabangsa) yang menggariskan pertubuhan komunis mestilah bersifat multirasial. Fasa kedua pula menekankan perkembangan PKM di zaman pendudukan Jepun dan fasa ini sangat penting kerana dapat memperlihatkan bagaimana sikap PKM terhadap orang Melayu. Hal ini juga berkait rapat dengan isu perkauman yang telah menjarakkan lagi hubungan antara kaum Melayu-Cina. Sehubungan itu, tidak kurang juga pentingnya adalah mengenai persepsi buruk terhadap PKM sehingga menjadi batu penghalang untuk orang Melayu menyertai organisasi PKM. Malah, orang Melayu juga berasa kurang senang apabila pertubuhan Melayu dikaitkan dengan komunis. Bertitik tolak dari itu fasa terakhir membincangkan zaman selepas pendudukan Jepun sehinggalah era Darurat yang perlu diberikan perhatian khusus kerana tempoh ini banyak menentukan hala tuju PKM

sama ada berjaya atau pun sebaliknya. Pada peringkat ini kejayaan atau kegagalan PKM mendapatkan sokongan orang Melayu semakin lemah dan pada masa sama sokongan orang Melayu memberi kesan besar kepada perjuangan PKM. Kajian ini juga tidak meminggirkan perkembangan PKM sebelum tahun 1930 dan selepas tahun 1948. Setiap fasa akan dibahasakan dengan lebih terperinci bagi memperlihatkan sejauhmana pengaruh sokongan Melayu keseluruhannya telah memberi kesan terhadap perjuangan PKM.

### **1.1 Kajian Lalu**

Pertama sekali perlu dijelaskan secara umumnya sejarah perjuangan PKM bukanlah suatu isu yang baru kerana sebelum ini telah banyak kajian mengenainya dihasilkan. Kebanyakan sarjana menumpukan beberapa isu penting antaranya melibatkan pemberontakan bersenjata, tercetusnya Darurat dan seterusnya mengenai punca kegagalan PKM. Boleh dikatakan sebelum ini, kajian mengenai PKM lebih banyak tertumpu kepada perkembangannya antara tahun 1948 hingga 1960. Bagi kebanyakan sarjana tempoh Darurat yang berlangsung selama 12 tahun ini telah dapat menjelaskan punca sebenar kegagalan perjuangan PKM. Kebanyakan sarjana tidak melihat faktor sokongan orang Melayu sebagai satu faktor penting yang menjadi sebab utama perjuangan PKM menemui kegagalan. Walau bagaimanapun, apa yang ingin diketengahkan di sini bagaimana faktor tersebut akan dapat menjelaskan beberapa persoalan penting berhubung kait dengan isu PKM. Persoalan penting yang dimaksudkan adalah isu pemberontakan bersenjata, punca tercetusnya Darurat serta punca utama yang menyebabkan kegagalan PKM. Berhubung dengan isu yang

dibangkitkan ini, kebanyakan sarjana masih berselisih pendapat mengenai apakah punca utama yang menyebabkan kegagalan perjuangan PKM.

Sebelum ini banyak kajian telah dihasilkan oleh para sarjana akan tetapi kebanyakan kajian tersebut tidak melihat sokongan orang Melayu itu sebagai satu elemen paling penting dalam konteks perjuangan PKM. Di samping itu, terdapat pula kajian yang hanya melihat faktor ini sebagai faktor sampingan sahaja atau dianggap tidak penting. Namun secara umumnya, para sarjana merumuskan bahawa perjuangan PKM menghadapi kegagalan adalah disebabkan oleh tindakan ketenteraan yang diambil oleh pihak British. Terdapat juga sesetengah sarjana yang melihat PKM dari sudut yang berbeza dan lebih menekankan bahawa PKM merupakan sebuah organisasi yang kuat, tersusun serta mampu mencabar kedudukan British sehingga memaksa British mengisytiharkan Darurat dan akhirnya PKM gagal dalam menghadapi tekanan ini. Tidak kurang juga yang berpandangan bahawa PKM sebagai satu pertubuhan yang berpengaruh dan tindak-tanduk PKM juga sering kali menerima sekatan daripada pihak British. Pandangan itu diperkukuhkan lagi dengan penemuan daripada sumber-sumber British sendiri yang lebih cenderung memaparkan PKM sebagai pertubuhan samseng atau lebih sinonim digelar sebagai *bandit* yang dikatakan telah mengancam kedudukan British sehinggalah penghujung tahun 1940-an.

Mutakhir ini terdapat sarjana yang berpandangan bahawa British lebih memainkan peranan penting dengan berupaya memanipulasi perjuangan PKM untuk menjustifikasikan tindakan kekerasan terhadap gerakan politik anti-kolonial khususnya kiri. Terdapat pula kelompok sarjana yang berpendapat kegagalan ini disebabkan oleh masalah dalaman yang berlaku dalam PKM atau lebih tepat lagi

masalah kepimpinan yang berlaku dalam organisasi PKM. Hal ini termasuklah isu seperti pengkhianatan Lai Teck yang didakwa melarikan wang parti yang menjadikan PKM bertambah lemah. Namun, tidak dinafikan masih terdapat segelintir sarjana yang menyatakan kegagalan PKM disebabkan oleh tiadanya sokongan orang Melayu tetapi menganggap ia bukan menjadi faktor utama.

Secara ringkasnya, kebanyakan sarjana berpegang teguh dengan pandangan bahawa tindak-tanduk British yang mengisytiharkan Darurat serta beberapa strategi yang diambil British seperti Perang Saraf dan Rancangan Briggs menjadi punca utama PKM menghadapi kegagalan dalam perjuangannya. Oleh demikian, kajian ini ingin menjelaskan bahawa sokongan orang Melayu ini adalah faktor paling penting berbanding sebab-sebab lain kerana akan menjelaskan semua permasalahan yang berkait dengan isu PKM terutama dalam mencari punca sebenar kegagalan PKM. Tambahan pula, sokongan orang Melayu menjadi begitu penting kerana British bimbang sekiranya orang Melayu menyokong dan menyertai PKM secara beramai-ramai, maka perkembangan ini dibimbangi akan menukar imej PKM sebagai satu pertubuhan nasionalis yang memperjuangkan kemerdekaan.

Namun, menariknya sejak PKM ditubuhkan ia telah pun menghadapi kegagalan, yakni sebelum tahun 1948 lagi. Hal ini kerana kurangnya sokongan orang Melayu menjadikan PKM lemah dan mustahil PKM mampu untuk menjadi pertubuhan yang dapat mewakili suara nasionalis di Tanah Melayu. Perdebatan sarjana berhubung dengan isu PKM tidak terhenti setakat itu sahaja kerana sehingga kini para sarjana masih berselisih pendapat mengenai isu pemberontakan bersenjata PKM. Justeru, pelbagai persoalan telah timbul sama ada pemberontakan ini dirancang

oleh PKM atau hanya salah satu daripada konspirasi pihak kolonial British. Persoalan penting yang perlu dijelaskan di sini ialah sejauhmanakah PKM benar-benar bersedia kebenarannya PKM untuk melancarkan pemberontakan bersenjata terhadap British? Situasi ini sebenarnya menimbulkan lagi keraguan dan tandatanya sama ada benarkah PKM mampu berbuat demikian tanpa sokongan orang Melayu?

Dalam menjawab persoalan-persoalan tersebut para sarjana telah berselisih pendapat dengan mengemukakan pelbagai hujah yang berbeza dan sering kali tidak menemui satu titik persamaan sehingga wujudnya beberapa aliran pandangan dalam kalangan sarjana. Aliran pandangan ini dimulakan oleh kelompok sarjana awal yang didakwa berpandangan ortodoks yang muncul sekitar lewat tahun 1940-an hingga awal 1950-an.<sup>1</sup> Pandangan ortodoks ini berpegang kepada tiga elemen penting yang menjadi punca PKM mengangkat senjata dan yang pertama adalah disebabkan oleh ‘arahan dari Soviet Union’, kedua Persidangan Calcutta dan ketiga PKM sememangnya berhasrat untuk ‘melancarkan pemberontakan bersenjata’.

Umumnya, sarjana ortodoks ini tidak melihat sokongan Melayu sebagai salah satu elemen penting yang menjadi kayu ukur sama ada PKM bersedia memberontak atau sebaliknya. Kemunculan sarjana ortodoks ini dijelaskan oleh sebagai berikut;

*In late 1940s to early 1950s, a cold war orthodoxy on these questions emerged, which held (in public at least), that the Soviet Union did issue instructions, that these were conveyed to*

---

<sup>1</sup> Sarjana ortodoks seperti Spencer Chapman, Gene Z. Hanrahan, Victor Purcell dan Harry Miller merupakan sarjana yang terdiri daripada bekas pentadbir kolonial dan bekas tentera yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu. Pemikiran kelompok sarjana ortodoks ini cenderung untuk melihat bahawa tindakan ketenteraan British yang bertanggungjawab sepenuhnya menggagalkan perjuangan PKM.



*Southeast Asian communist parties, and that these instructions caused the dramatic change in MCP policy and behaviour outlined above.<sup>2</sup>*

'Arahan dari Soviet Union' ini diperkukuhkan pula dengan persidangan Calcutta yang berlangsung pada bulan Februari 1948 yang dikatakan menjadi punca pemberontakan ke seluruh Asia Tenggara. Bertitik tolak dari itu, sarjana seperti Spencer Chapman (1949)<sup>3</sup>, Gene Z. Hanrahan (1954)<sup>4</sup>, Victor Purcell (1955)<sup>5</sup>, Harry Miller (1954)<sup>6</sup> dan Lucian W. Pye (1956)<sup>7</sup> adalah merupakan antara sarjana awal yang menghasilkan kajian mengenai pemberontakan yang dilakukan oleh PKM dengan mengaitkan ketiga-tiga peristiwa tersebut.

Pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana awal ini tidak jauh berbeza dengan mengukur kegagalan PKM hanya selepas Darurat, tetapi gagal melihat satu faktor utama iaitu kegagalan semenjak PKM ditubuhkan. Hakikatnya PKM bukanlah satu pertubuhan yang kuat dan berpengaruh seperti mana didakwa oleh para sarjana awal ini. Para sarjana awal ini tidak melihat bahawa faktor sokongan orang Melayu itu sebagai satu faktor utama yang menyebabkan kegagalan PKM. Pandangan awal yang bersifat ortodoks ini banyak dihasilkan oleh bekas-bekas pegawai tentera yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu seperti Chapman dan sarjana awal lain yang lebih cenderung untuk melihat permasalahan ini dari perspektif British. Kajian awal yang dihasilkan ini tidak dinafikan merupakan satu sumber rujukan yang penting dan ia

---

<sup>2</sup> Karl Hack, *The Origins of the Asian Cold War: Malaya 1948*, *Journal of Southeast Asian Studies*, 40 (3), 2009, hlm. 473.

<sup>3</sup> F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, London: Triad and Panther Books, 1949.

<sup>4</sup> G. Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1954.

<sup>5</sup> Victor Purcell, *Malaya: Communist or Free?* California: Stanford University Press, 1955.

<sup>6</sup> Harry Miller, *The Communist Menace in Malaya*, New York: Frederick A. Praeger, 1954.

<sup>7</sup> Lucian W. Pye, *Guerilla Communism in Malaya: Its Social and Political Meaning*, London: Oxford University Press, 1956.

masih menjadi rujukan para sarjana selepas era kolonial sehingga kini. Pertama sekali kajian yang mendapat perhatian sarjana adalah tulisan Gene Z. Hanrahan yang banyak membincang dan menjelaskan mengenai punca pemberontakan PKM yang didakwa mempunyai kaitan dengan konflik antarabangsa. Menurut Hanrahan, Persidangan Calcutta yang berlangsung dalam bulan Februari telah banyak mempengaruhi pihak Comintern (Komunis Antarabangsa) misalnya menjelaskan;

*Early months of 1948 favoured a radical change in Communists tactics. There is some indication that the World Communist movement itself was in the process of revising its line at this time, exhorting local parties to discard their previous 'moderate policies' and pursue instead a more determined struggle. This line was probably disseminated to the Communist organs in the East at the Asian Youth Congress held in Calcutta in February 1948.*<sup>8</sup>

Menurut Hanrahan lagi, Malcolm MacDonald sendiri percaya bahawa pemberontakan bersenjata PKM berpunca dari tekanan Comintern. Menurut Hanrahan, *'...whether or not the decision to initiate the 1948 rising was dictated principally by internal Malayan Communist problems remains an open question. A number of observers, including Commissioner-General Malcolm MacDonald, believed it was inspired mainly by pressure exerted by international Communists.'*<sup>9</sup> Berdasarkan kajian yang dihasilkan oleh Hanrahan ini faktor tekanan Comintern terhadap PKM menjadi satu sebab kukuh yang mendorong PKM untuk melancarkan satu pemberontakan bersenjata. Hanrahan juga mendakwa PKM sememangnya merancang untuk memberontak dengan menegaskan, *'...the Communist plan was to pursue a strategy of protracted warfare - one which had proved so successful in*

---

<sup>8</sup> G. Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 104-105.

<sup>9</sup> G. Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 108.

*China. This, however, may well have been one of their major mistakes.*<sup>10</sup> Hanrahan menjelaskan tindakan untuk memberontak ini diambil berikutan kejayaan di China dan diakui sebenarnya ia merupakan satu kesilapan besar yang telah dilakukan oleh PKM.

Lucian W. Pye dalam bukunya *Guerilla Communism in Malaya: Its Social and Political Meaning* berpendapat Persidangan Calcutta yang berlangsung pada bulan Februari 1948 itu memainkan peranan besar dalam isu pemberontakan PKM. Pye misalnya menjelaskan;

*In February 1948 a delegation from the MCP attended the Calcutta meeting of the Asia Youth Conference, at which were present members of various Asian New Democratic Youth Leagues and the Southeast Asian Students Assosiations. During the meetings speeches were made that exhorted the Malayan comrades to become more militant, and a resolution was passed advocating the capture of power by the peasants and workers by any means.*<sup>11</sup>

Pye berpendapat bahawa tindakan untuk memberontak yang diambil oleh PKM itu dipercayai berpunca daripada 'arahan dari Soviet Union' pada bulan Jun 1948 hasil daripada dua persidangan yang berlangsung di Calcutta dan menjadi lebih militan selepas persidangan tersebut. Para sarjana berpandangan ortodoks percaya PKM merupakan satu pertubuhan yang kuat serta mampu mengancam kedudukan British sehingga mengambil tindakan untuk mengangkat senjata walaupun hakikat sebenarnya PKM tidaklah mendapat sokongan majoriti rakyat terutamanya orang Melayu. Sungguhpun demikian, Pye sendiri mengakui dan menjelaskan bahawa,

---

<sup>10</sup> G. Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 112.

<sup>11</sup> Lucian W. Pye, *Guerilla Communism in Malaya: Its Social and Political Meaning*, London: Oxford University Press, 1956, hlm. 83.

*'...the failure of these early attempts to enlist Malays under the banner of revolution was the first demonstration of the difficulties that the MCP was to experience in finding support among the largest racial group in Malaya.'*<sup>12</sup> Sungguhpun begitu, Pye percaya ketiadaan sokongan orang Melayu ini tidak memberi kesan atau tidak menjejaskan perjuangan PKM sehingga masih mampu melancarkan pemberontakan bersenjata atas 'arahan dari Soviet Union' atau menganggap pengaruh luar lebih utama daripada faktor dalaman seperti sokongan orang Melayu.

Sarjana berpandangan ortodoks itu juga sering kali menjelaskan isu Persidangan Calcutta turut memainkan peranan besar sehingga merubah dasar PKM untuk melancarkan pemberontakan bersenjata. Victor Purcell dalam beberapa tulisannya antaranya bertajuk *Malaya: Communists or Free?* menjelaskan bahawa keputusan untuk memberontak sememangnya telah diambil semasa Persidangan Calcutta lagi.<sup>13</sup> Secara umumnya, kebanyakan sarjana selepas itu mengikut garis panduan ini yang dianggap sesetengah sarjana merupakan sebab utama PKM memberontak.

Penulisan mengenai isu komunis tidak terhenti setakat itu sahaja kerana ia diteruskan pula oleh sarjana lain seperti Edgar O'Ballance, Richard Clutterbuck, Robert Thompson, Anthony Short serta Harry Miller. Kelompok sarjana ini terdiri daripada sarjana Barat yang dilihat telah mengukuhkan lagi pandangan sedia ada yang telah ditulis oleh sarjana ortodoks. Pandangan-pandangan yang dikemukakan pula tidak jauh berbeza dan boleh diklasifikasikan masih lagi bersifat ortodoks. Antara sifat utama tulisan sarjana yang mengukuhkan pandangan ortodoks ialah mereka

---

<sup>12</sup> Lucian W. Pye, *Guerilla Communism in Malaya: Its Social and Political Meaning*, hlm. 49.

<sup>13</sup> Victor Purcell, *Malaya: Communist or Free?* California: Stanford University Press, 1955, hlm. 61.

menekankan bahawa PKM sebagai sebuah ‘pertubuhan yang kuat’ dan British yang bertanggungjawab menghapuskan ‘ancaman komunis atau PKM’. Sebenarnya kelompok sarjana ini berpegang teguh dengan pandangan bahawa PKM ‘berjaya menguasai gerakan kiri’ atau lebih gemar menyamakan pertubuhan kiri sebagai ‘komunis’.

Kebanyakan sarjana yang terpengaruh dengan pandangan sarjana ortodoks lebih mengutamakan atau cenderung untuk mengaitkan punca utama kegagalan PKM ini disebabkan oleh tindakan ketenteraan British. Tindakan yang diambil oleh pihak British ini termasuklah menjalankan operasi ketenteraan bagi menghapuskan komunis misalnya melalui Rancangan Briggs.<sup>14</sup> Sesetengah sarjana beranggapan bahawa British memainkan peranan utama menghapuskan segala ancaman yang dicetuskan oleh PKM atau komunis yang dilihat mampu menggugat kedudukan British. Ancaman yang dimaksudkan adalah berhubung dengan pembunuhan tiga orang pengurus ladang getah yang berbangsa Eropah termasuk seorang pembantu ladang British yang didakwa mati dibunuh di Perak pada 16 Jun 1948.<sup>15</sup> Selain itu, tindakan yang sering ditonjolkan adalah peristiwa pembunuhan di Batu Arang yang didakwa dilakukan oleh pihak komunis yang digelar sebagai samseng atau *bandit*.

Selain tulisan Hanrahan dan Purcell, pandangan ortodoks juga dibuat oleh Richard Clutterbuck. Clutterbuck dalam tulisannya misalnya *Riot and Revolution in Singapore and Malaya, 1945-1963* menjelaskan, ‘...incidents in rubber estates and tin

---

<sup>14</sup> Berdasarkan laporan British menjelaskan, ‘They are based on full co-ordination of the military, police and civil forces. The military forces will clear the peninsula area by area, from south to north’. CAB 129/40, C.P. (50) 125, 13 Jun 1950, no. 32, Preliminary Report on Visit to Malaya and Singapore, Memorandum by the Secretary of State for the Colonies, hlm. 1.

<sup>15</sup> Juga lihat, CAB 129/28, C. P. (48) 171, no. 31, 1 Julai 1948, The Situation in Malaya, Memorandum by the Secretary of State for the Colonies, hlm. 2-3.

*mines from May until mid June took on a new and more violent character.*<sup>16</sup>

Berdasarkan pernyataan ini Clutterbuck mendakwa pengisytiharan Darurat berpunca daripada tekanan PKM yang didakwa melakukan beberapa siri pembunuhan hingga menyebabkan;

*On 19 June after several more murders, the High Commissioner (Sir Edward Gent) declared a State of Emergency in the Federation, and Singapore followed suit on 23 June.*<sup>17</sup>

Siri pembunuhan ini dikatakan menjadi punca utama pihak British mengisytiharkan Darurat dan ini sangat menarik untuk dibincangkan dengan lebih lanjut. Clutterbuck berpandangan kegagalan PKM berpunca daripada tindakan ketenteraan yang diambil British tanpa melihat faktor-faktor lain khususnya sokongan orang Melayu sebagai satu faktor penting. Akhir sekali Clutterbuck berpandangan tindakan PKM melancarkan pemberontakan bersenjata adalah hasil keputusan persidangan yang berlangsung di Calcutta.

*The decision followed the return of MCP delegates from a Communist Youth Conference in Calcutta in February 1948, which may have had some influence, though the decision was primarily the result of frustration of the attempt at an urban revolution.*<sup>18</sup>

Kecenderungan Clutterbuck ini boleh dilihat menerusi satu lagi tulisan beliau dalam bukunya yang berjudul *The Long-long War: Counterinsurgency in Malaya and*

---

<sup>16</sup> Richard Clutterbuck, *Riot and Revolution in Singapore and Malaya, 1945-1963*, London: Faber and Faber Limited, 1973, hlm. 167.

<sup>17</sup> Richard Clutterbuck, *Riot and Revolution in Singapore and Malaya, 1945-1963*, hlm. 168.

<sup>18</sup> Richard Clutterbuck, *Riot and Revolution in Singapore and Malaya, 1945-1963*, hlm. 167.

*Vietnam*.<sup>19</sup> Clutterbuck berpendapat Persidangan Calcutta merupakan sebab utama pemberontakan PKM seperti mana dikatakannya, ‘...*Calcutta conference is what sparked ‘armed revolution throughout Southeast Asia’ and the outbreak of rioting, sabotage and assassination in Malaya.*’<sup>20</sup> Pandangan ini sedikit sebanyak memperlihatkan bagaimana para sarjana melihat isu pemberontakan bersenjata PKM dari perspektif pengaruh luar seperti hasil Persidangan Calcutta dan ‘arahan dari Soviet Union’.

Penulisan mengenai isu PKM turut mendapat perhatian seorang lagi sarjana Barat iaitu Edgar O’Ballance yang mempunyai pandangan tidak jauh berbeza dengan pandangan yang diutarakan oleh Clutterbuck. Pandangan yang dikemukakan adalah mengenai isu pemberontakan bersenjata PKM apabila O’Ballance masih mengaitkan masalah ini dengan isu antarabangsa antaranya ‘arahan dari Soviet Union’ dan Persidangan Calcutta. O’Ballance juga dalam tulisannya dilihat tidak dapat keluar dari membincangkan tiga elemen penting yang menjadi tumpuan para sarjana ortodoks. O’Ballance misalnya mendakwa keputusan untuk memberontak ini hasil daripada tekanan Moscow walaupun beliau tidak menafikan wujudnya faktor-faktor lain;

*External Communist pressure, but while this undoubtedly had an effect, it was not the only-explanation. A number of combined factors led the Central Executive Committee to agree on this course. The MCP had been working towards his end for some time, and its final objective to take over the government of Malaya and Singapore.*<sup>21</sup>

---

<sup>19</sup> Richard Clutterbuck, *The Long-long War: Counterinsurgency in Malaya and Vietnam*, New York: Praeger, 1966, hlm. 185.

<sup>20</sup> Phillip Deery, Malaya, 1948: Britain’s Asian Cold War? *Journal of Cold War Studies*, Vol. 9, no. 1, 2007, hlm. 39.

<sup>21</sup> E. O’Ballance, *Malaya: The Communist Insurgent War, 1948-1960*, London: Faber and Faber Limited, 1966, hlm. 76.

O'Ballance menegaskan faktor luar atau '*external Communist pressure*' yang jelas merujuk kepada Soviet Union telah memainkan peranan utama dalam isu pemberontakan bersenjata PKM. Pada masa sama, O'Ballance menyatakan PKM merancang, '*...to revolt in February 1948, when its representatives attended the Communist Asian Youth Congress, in Calcutta.*'<sup>22</sup> O'Ballance juga percaya bahawa PKM sememangnya memutuskan untuk memberontak selepas Persidangan Calcutta pada bulan Februari 1948 dan sebagai akibatnya British terpaksa mengisytiharkan Darurat untuk menghapuskan ancaman komunis. Isu-isu seperti ini sering diulang dan ditonjolkan dalam tulisan sarjana berpandangan ortodoks dengan memaparkan bahawa PKM yang bertanggungjawab dalam mencetuskan huru-hara dan punca utama British mengisytiharkan Undang-undang Darurat di Tanah Melayu.

Sarjana ortodoks juga menganggap PKM gagal dalam perjuangannya disebabkan oleh tindakan ketenteraan British. Tindakan ketenteraan yang diambil oleh pihak British dapat dilihat menerusi taktik anti-gerila yang agresif dipercayai menjadi punca utama perjuangan PKM menemui kegagalan. Hal yang sama turut dikemukakan oleh O'Ballance yang berpandangan, '*...three outstanding causes of victory over the Communists were aggressive anti-guerilla tactics, removal of sections of the population and the support of the people.*'<sup>23</sup> Berdasarkan pernyataan ini O'Ballance dilihat telah mengukuhkan lagi pandangan sarjana ortodoks. O'Ballance berpendapat selain daripada tindakan ketenteraan anti-gerila yang agresif kegagalan PKM juga disebabkan oleh pengasingan penduduk dan sokongan rakyat tetapi tidak melihat sokongan rakyat khususnya orang Melayu suatu faktor yang penting. Walau bagaimanapun, O'Ballance tidak menolak kegagalan PKM juga berpunca daripada

---

<sup>22</sup> E. O'Ballance, *Malaya: The Communist Insurgent War, 1948-1960*, hlm. 76.

<sup>23</sup> E. O'Ballance, *Malaya: The Communist Insurgent War, 1948-1960*, hlm. 168.



beberapa sebab lain iaitu, '*...failure to win the 'hearts and minds', extreme terrorism, faulty judgement, lack of information and food, and the absence of any foreign recognition or aid.*'<sup>24</sup> Berdasarkan penjelasan O'Ballance ini dapat memperlihatkan sarjana ortodoks masih tidak dapat mengenalpasti satu faktor paling penting iaitu sokongan orang Melayu yang mempengaruhi jatuh bangun perjuangan PKM.

Pandangan sarjana-sarjana di atas turut disokong oleh Crozier yang menjelaskan bahawa, '*...all of the Southeast Asian insurrections of 1948 were 'part of a pre-determined plan worked out in Moscow and Calcutta.'*'<sup>25</sup> Berbeza dengan Thompson yang menyatakan punca pemberontakan adalah disebabkan pelbagai faktor tetapi masih yakin dan percaya bahawa Persidangan Calcutta masih memainkan peranan penting dalam isu pemberontakan PKM.

Sesetengah sarjana seperti Harry Miller pula percaya tindakan komunis yang menyerang kepentingan British dengan melakukan keganasan serta membunuh di mana-mana sahaja menjadi bukti keganasan dan rancangan pemberontakan PKM. Miller menjelaskan;

*The communist continued to show their strength and their determined motion to strike hard everywhere. On 12 July forces in Selangor attacked a large coal mine in the town of Batu Arang. They captured the police station, confined fifty people in the mines railway station, killed five individuals they had selected for sabotage dragline excavators, trailers and other machinery.*<sup>26</sup>

Pandangan ini menunjukkan kecenderungan Miller yang mendakwa PKM bertanggungjawab dalam mencetuskan kekacauan dan keganasan di Tanah Melayu

---

<sup>24</sup> E. O'Ballance, *Malaya: The Communist Insurgent War, 1948-1960*, hlm. 170.

<sup>25</sup> Phillip Deery, *Malaya, 1948: Britain's Asian Cold War?* hlm. 39.

<sup>26</sup> Harry Miller, *Jungle War in Malaya: The Campaign Against Communism 1948-1960*, London: Arthur Barker Limited, 1972, hlm. 44.

terutama melibatkan kes serangan di Batu Arang dan PKM didakwa melakukan pembunuhan. Miller juga memberi satu contoh yang menunjukkan keganasan lain juga dicituskan oleh komunis apabila PKM didakwa, '*...burned down the police station, shot at people, and took Chinese and Malay prisoners back into the surrounding hills. Further south, in Johore, armed men attacked the police station at Sedenak but were driven off after a stiff fight in which one of them was shot dead.*'<sup>27</sup> Berdasarkan pandangan ortodoks seperti Miller juga melihat PKM dari sudut yang berbeza dengan menganggap bahawa PKM satu pertubuhan yang kuat dan mampu melakukan keganasan di mana-mana sahaja, '*...how easy it was for them to appear somewhere suddenly, strike hard, kill people, and then disappear back into the jungle.*'<sup>28</sup>

Walau bagaimanapun, pada hakikatnya PKM bukan satu pertubuhan yang kuat seperti mana ditegaskan Miller kerana jelas PKM tidak mendapat sokongan rakyat khususnya orang Melayu dan hal ini sering dipinggirkan oleh sarjana berpandangan ortodoks. Malah, sekiranya PKM benar-benar satu pertubuhan yang kuat dan mendapat sokongan rakyat mereka tidak perlu untuk melarikan diri semula ke dalam hutan dan terus melancarkan satu revolusi dan hal ini menunjukkan bahawa PKM begitu lemah dan tidak berpengaruh. Sarjana ortodoks juga lazimnya sering memaparkan dan menjelaskan tindakan yang diambil British telah berjaya mengawal serta mematahkan keganasan pihak komunis daripada berterusan. Misalnya Miller menegaskan;

*Gurney introduced more Emergency Regulations to give the government further powers over life and liberty. Suspects could be detained for up to two years without trials; traffic and the passage of food along public roads could be controlled; houses*

---

<sup>27</sup> Harry Miller, *Jungle War in Malaya: The Campaign Against Communism 1948-1960*, hlm. 44.

<sup>28</sup> Harry Miller, *Jungle War in Malaya: The Campaign Against Communism 1948-1960*, hlm. 44.

*could be searched by the police without warrants; curfews could be imposed; heavy penalties could be imposed for assisting terrorists; and the death sentence was mandatory on people convicted of carrying arms and ammunition. No other government in the world had ever had such sweeping powers, even in war time.*<sup>29</sup>

Kelompok sarjana ini beranggapan bahawa PKM merupakan satu pertubuhan yang boleh mendatangkan ‘ancaman’ dan merupakan ‘pencetus huru-hara’ di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, sarjana yang mewarisi pandangan ortodoks ini menggambarkan seolah-olah PKM mendapat sokongan rakyat yang jelas tidak seperti digambarkan. Menariknya, dalam kalangan orang Cina sendiri pun PKM tidak mendapat sokongan sepenuhnya kerana sebahagian besar daripada mereka merupakan penyokong kuat Kuomintang (KMT). Kelemahan PKM semakin jelas kerana PKM hanya memperoleh sedikit sokongan di kawasan bandar sebaliknya gagal menguasai golongan petani seperti mana yang berlaku di Russia. Perkara ini perlu diambil kira memandangkan golongan petani di Tanah Melayu majoritinya adalah terdiri daripada orang Melayu. Keadaan ini berterusan sehingga tahun 1948<sup>30</sup> dan mendorong PKM terpaksa masuk ke dalam hutan akibat tekanan daripada British. Terdapat di sesetengah kawasan seperti di Pahang orang Melayu memberikan sokongan kepada Rejimen Ke-10 sehingga British mengambil tindakan tegas dengan memusnahkan kampung-kampung tersebut bagi menyekat sokongan masyarakat tempatan khususnya orang Melayu daripada menyertai rejimen Melayu ini.

---

<sup>29</sup> Harry Miller, *Jungle War in Malaya: The Campaign Against Communism 1948-1960*, hlm. 48.

<sup>30</sup> British mengisytihar Darurat dan mengambil tindakan tegas dengan menangkap mana-mana individu yang disyaki terlibat dengan komunis termasuklah para nasionalis. Menurut Rashid Maidin, kira-kira 50 orang banduan lain termasuk Ustaz Abu Bakar Al-Baqir, Cikgu Sabrun, Cikgu Sarip dan Osman Bakar dari Perak, Cikgu Mat Din dari Kedah dan lain-lain, ada yang datang dari Pahang, Johor, ada orang PKMM, PETA, Kesatuan Buruh dan lain-lain’. Rashid Maidin, *Memoir Rashid Maidin: Daripada Perjuangan Bersenjata kepada Perdamaian*, Petaling Jaya: SIRD, 2005, hlm. 39.

Tindakan tegas yang diambil British melalui arahan Henry Gurney ini juga sememangnya menunjukkan bahawa penangkapan telah dibuat ke atas mana-mana individu yang disyaki terlibat dengan komunis. Penahanan selama dua tahun tanpa sebarang pembelaan boleh dibuat dan tindakan ini sebenarnya telah mencetuskan banyak persoalan apakah niat sebenar British melaksanakan Undang-undang Darurat. Justeru, terdapat beberapa persoalan yang boleh dibangkitkan dalam tulisan Miller yang tidak melihat Undang-undang Darurat tersebut ditujukan kepada pihak mana tetapi melihat dari sudut pandangan British yang bertujuan menghapuskan komunis semata-mata. Pandangan Miller yang bersifat ortodoks ini tidak melihat penangkapan yang dibuat British itu ditujukan kepada nasionalis Melayu dan bertujuan memecahbelahkan sokongan orang Melayu dan memudahkan British mengawal situasi politik Tanah Melayu.

Kajian lain yang boleh dikatakan membincangkan secara mendalam isu PKM ialah tulisan Athony Short dalam bukunya yang bertajuk *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*. Short menjelaskan bahawa ketidaktentuan PKM dalam usaha menarik sokongan rakyat berpunca daripada masalah dalaman yang berlaku dalam PKM terutama membabitkan masalah kepimpinan dan tiadanya demokrasi dalam parti. Menurut Short, ‘...first, that there was no democracy in the party; the Central Committee had not been elected into office, neither has there been any election in the Party for as long as anyone could remember.’<sup>31</sup> Short juga menyentuh mengenai soal sokongan terhadap PKM di mana situasi di Tanah Melayu tidak sama dengan situasi di China. Menurut Short;

---

<sup>31</sup> Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, London: Frederick Muller Limited, 1975, hlm. 309.

*This was what Mao had proposed in China and it was through the appeal of land reform that the CCP had managed to mobilise the Chinese masses. In Malaya, however, by introducing terrorist activities, the party had caused the masses much trouble had thereby alienated their sympathies by robbing them of their identity cards, burning buses, slashing rubber trees, indiscriminate shooting at trains and the like.<sup>32</sup>*

Berdasarkan penelitian yang dibuat majoriti sarjana awal ini masih lagi berpandangan ortodoks dengan menggunakan sumber-sumber perisikan British dan *Public Record Office* (sekarang dikenali sebagai Arkib Kebangsaan Britain) tetapi kecenderungan kelompok sarjana ini dilihat lebih cenderung untuk melihat permasalahan ini dari perspektif British. Persoalan penting yang perlu ditegaskan di sini jika benar menurut sarjana ortodoks PKM bersedia memberontak mengapa perlu menunggu sehingga tahun 1948 tatkala PKM berada dalam keadaan yang tidak stabil dan lemah dengan pelbagai masalah dalaman?

Walaupun kajian sarjana ortodoks telah menguasai penulisan sejarah dalam tempoh yang lama, namun terdapat juga sarjana yang melihat permasalahan ini dari sudut pandangan yang berbeza dan mengkritik pandangan yang dikemukakan sarjana ortodoks. Kelompok sarjana revisionis atau penyemak semula menyatakan pandangan sarjana awal itu sebagai lemah dan tidak relevan. Sarjana revisionis juga mengemukakan pandangan yang bertentangan sama sekali dengan sarjana ortodoks dengan menjelaskan bahawa PKM tidak menerima sebarang ‘arahan daripada Soviet Union’ malah tidak bersedia untuk memberontak. Menurut Frank Furedi, Darurat yang tercetus di Tanah Melayu ialah Perang Kolonial, dan mendakwa Darurat

---

<sup>32</sup> Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, hlm. 312.

bukanlah bertujuan untuk menghadapi komunis sebaliknya adalah perang terhadap nasionalis.<sup>33</sup>

Berhubung dengan isu komunis, British cuba menggunakan isu Perang Dingin sebagai senjata untuk membolehkan British menjatuhkan mana-mana gerakan anti-kolonial dan mendakwa konspirasi komunis menjatuhkan kerajaan. Alasan ini digunakan bagi memecahbelahkan gerakan anti-kolonial. Hal ini dijelaskan oleh Furedi bahawa objektif utama pihak British adalah;

*To neutralise popular national revolts. Military tactics were a means to realise the political objective of destroying popular nationalism and substituting for it parties of conservative collaborators. This goal could only be achieved by isolating radical anti-colonial forces and fragmenting their movement along communal lines.*<sup>34</sup>

Furedi menggariskan tiga sebab utama Darurat merupakan konspirasi British. Pertama tiada sebarang bukti yang dapat mengaitkan Soviet mempunyai kaitan dalam isu pemberontakan PKM. Kedua, tiada sebarang bukti keganasan dicituskan oleh PKM tetapi British hanya gunakan isu keganasan sebagai alasan untuk mengisytiharkan Darurat. Ketiga, keganasan bukan kerana wujudnya komplot komunis antarabangsa dan gejala Perang Dingin, sebaliknya British sengaja memprovokasi terutamanya kesatuan sekerja bagi mengelakkan mereka melakukan keganasan, contohnya melalui tekanan tekanan terhadap kegiatan kesatuan sekerja bermula sejak bulan Mei dan Jun 1948.

---

<sup>33</sup> Furedi berpandangan, '*representing anti-colonial forces as not 'genuine nationalists' in the emergencies and in other instances helps to reinforce the view that Britain did not have to give way to public opinion in the colonies.*' F. Furedi, *Colonial Wars and the Politics of Third World Nationalism*, New York: St Martin's Press, 1994, hlm. 273.

<sup>34</sup> F. Furedi, *Britain's Colonial Emergencies and the Invisible Nationalists*, dalam *Journal of Historical Sociology*, Vol. 2, no. 3, September 1989, hlm. 240.

Pandangan Furedi ini telah disokong oleh A. J. Stockwell yang menjelaskan British tiada bukti kukuh mengenai keganasan yang dicituskan oleh PKM di Tanah Melayu dan menegaskan tiada bukti jelas menunjukkan PKM mendapat 'arahan Moscow' atau pengaruh luar dari Tanah Melayu. Menurut Stockwell, '*...not only did the authorities lack concrete evidence of communist instigation of violence, they were also vague in their assessment of the extent of support which the MCP received from outside Malaya.*'<sup>35</sup> Berdasarkan pernyataan Stockwell ini menunjukkan British kekurangan bukti untuk mendakwa keganasan dicituskan oleh PKM. Selain itu, pihak British juga tiada bukti kukuh untuk mengaitkan kesatuan sekerja dengan komunis. Walau bagaimanapun, sesetengah kesatuan sekerja sememangnya telah dipengaruhi oleh komunis menyebabkan British mengambil tindakan tegas terhadap kesatuan sekerja seperti memberhentikan pekerja yang cenderung terhadap komunis. Tindakan ini diambil bagi mencegah kesatuan sekerja menyokong perjuangan PKM.

Stockwell juga mempersoalkan pemberontakan yang didakwa dicituskan PKM tapi masih diklasifikasikan sebagai '*banditry*' oleh pihak British. Menurut Stockwell, '*...none the less, because the men of violence lacked 'numerical strength and military competence' and did not enjoy 'any substantial organised assistance in arms', it was held that 'the disturbances do not yet qualify for the distinction of being termed an insurrection or revolt but are still classifiable as banditry.*'<sup>36</sup> Berdasarkan beberapa hujah yang dikemukakan oleh Stockwell ini sememangnya bertentangan dengan pandangan sarjana ortodoks tetapi ia dilihat telah membuka satu lembaran baru

---

<sup>35</sup> A. J. Stockwell, A Widespread and Long-Concocted Plot to Overthrow Government in Malaya? The Origins of the Malayan Emergency, dalam Robert Holland, *Emergencies and Disorder in the European Empires after 1945*, London: Frank Cass and Co. Ltd., 1994, hlm. 75.

<sup>36</sup> A. J. Stockwell, A Widespread and Long-Concocted Plot to Overthrow Government in Malaya? The Origins of the Malayan Emergency, hlm. 78.

dalam penulisan sejarah dari perspektif baru dan ini sangat menarik untuk dibincangkan.

Isu pemberontakan bersenjata PKM turut dipertikai oleh sarjana lain seperti Richard Stubbs yang menolak pandangan sarjana ortodoks dengan mendakwa PKM sememangnya tidak bersedia untuk memberontak. Stubbs juga mempersoalkan pandangan ortodoks yang dikemukakan Cheah Boon Kheng iaitu, ‘...MCP decided ‘to prepare for the eventuality of armed struggle, the timing of which was to be determined by the extent of the government’s further repressive measures.’<sup>37</sup> Stubbs menyangkal dakwaan ini dengan berpendapat tiada program revolusi telah disediakan PKM pada masa itu. Hal ini bermakna timbul percanggahan pendapat dalam kalangan sarjana sama ada PKM bersedia atau tidak untuk melancarkan pemberontakan bersenjata terhadap British. Stubbs juga menghubungkan kaitkan kelemahan PKM untuk melancarkan pemberontakan bersenjata kerana, ‘...lacked a wide base of support within the Malay population.’<sup>38</sup>

Walau bagaimanapun, pandangan Stubbs juga masih mempunyai beberapa kekeliruan kerana Stubbs masih beranggapan bahawa PKM sebuah parti yang kuat dan berpengaruh. Stubbs menyatakan bahawa PKM mampu mempengaruhi gerakan-gerakan politik Melayu kiri bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang mendokong kepada perjuangan PKM misalnya;

*Angkatan Pemuda Insaf, a radical youth organization, and the Angkatan Wanita Sedar, a radical women’s organization, were*

---

<sup>37</sup> Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*, Singapore: Oxford University Press, 1989, hlm. 54.

<sup>38</sup> Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*, hlm. 68.



*both controlled by the MCP. The Malays Nationalist Party was, at times, greatly influenced by the MCP. And of course, through its front organizations, the MCP was able to manipulate the policies of such organizations as the AMCJA-PUTERA coalition.*<sup>39</sup>

Stubbs beranggapan bahawa Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Angkatan Pemuda Insaf (API) jelas dipengaruhi PKM dan tambahnya lagi PKM telah berjaya memanipulasi gabungan PUTERA-AMCJA. Pandangan ini membuktikan Stubbs masih menganggap PKM sebagai pertubuhan yang kuat dan hal ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bab seterusnya untuk menilai sejauhmana penguasaan PKM ke atas gabungan AMCJA-PUTERA. Selain itu, Stubbs juga dilihat tidak dapat keluar dari perspektif ortodoks yang menekankan bahawa pengaruh luar masih memainkan peranan penting dalam menentukan dasar-dasar PKM. Antara yang menjadi perhatian Stubbs PKM telah diarahkan berundur ke dalam hutan sebagai sebahagian daripada strategi revolusioner untuk Asia yang dibangunkan di Moscow dan digerakkan selepas Persidangan Calcutta seperti mana dijelaskannya, ‘...a revolutionary strategy for Asia which was developed in Moscow and set in motion at the Calcutta Conference.’<sup>40</sup>

Stubbs juga menambah bahawa PKM gagal dalam menggerakkan sokongan rakyat terhadap pemberontakan bersenjata. Stubbs juga menegaskan PKM hanya popular dalam kalangan orang Cina sahaja. Menurutnya, ‘...it is true that a level of the rank and file the MCP had few problems attracting recruits. Certainly, the MCP’s generally popularity among the Chinese community gave it a significant base from to mount its guerrilla

---

<sup>39</sup> Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*, hlm. 48.

<sup>40</sup> Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*, hlm. 60.

*campaign.*'<sup>41</sup> Akhir sekali, Stubbs masih tidak melihat sokongan Melayu telah memberi kesan besar kepada perjuangan PKM dan menjadi punca utama kegagalan PKM.

Sarjana lain seperti T. N. Harper dalam bukunya yang bertajuk *The End of Empire and the Making of Malaya* menyifatkan pandangan sarjana dewasa ini mengaitkan Darurat adalah berpunca daripada kegagalan pihak pentadbiran British. Dalam erti kata lain, Harper menyifatkan, '*Emergency was a product of the confusion and failure of colonial administration and its ignorance of the nature of the challenge facing it.*'<sup>42</sup> Kekeliruan dan kegagalan pentadbiran kolonial British semakin ketara apabila Darurat diserapkan ke dalam perjuangan global British menentang komunisme. Hal ini sebenarnya mempunyai hubungan kait dengan masalah dasar British sendiri. Menurut Harper, '*...uprising no longer looks like a carefully orchestrated design of international Communism.*'<sup>43</sup> Pandangan ini membuktikan bahawa masih wujud kekeliruan dalam kalangan sarjana sendiri sama ada pemberontakan ini dirancang oleh Comintern atau sebaliknya.

Perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana menunjukkan bahawa isu PKM ini telah banyak menimbulkan kekeliruan. Sarjana lain yang menolak pandangan sarjana ortodoks ialah Philip Deery juga turut mempertikaikan pandangan ortodoks dengan menolak pandangan wujudnya campurtangan Soviet Union malah menekankan bahawa PKM tidak bersedia untuk memberontak sekaligus bertentangan

---

<sup>41</sup> Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*, hlm. 62.

<sup>42</sup> T. N. Harper, *The End of Empire and the Making of Malaya*, London: Cambridge University Press, 1999, hlm. 94.

<sup>43</sup> T. N. Harper, *The End of Empire and the Making of Malaya*, London: Cambridge University Press, 1999, hlm. 94.